

BAB 3 : TEKNIK MENGUKUR PARAMETER KESIHATAN BADAN

Nama : _____

Kelas : _____

Bahagian A

1. Apakah yang dimaksudkan dengan suhu badan?
 - A. darjah kepanasan dan kesejukan sesuatu bahan
 - B. darjah kepanasan dan kesejukan badan kita
 - C. ukuran kepanasan dan kesejukan dalaman organ
 - D. darjah kepanasan dan kesejukan dalaman organ
2. Rajah menunjukkan termometer klinik. Mengapakah termometer klinik mempunyai bebuli yang nipis?



- A. Mengesan aras merkuri
 - B. Memudahkan mengukur
 - C. Memudahkan untuk membaca bacaan
 - D. Mengesan perubahan suhu yang kecil
3. Rajah menunjukkan sejenis termometer untuk mengukur suhu badan. Apakah nama termometer ini?



- A. Termometer makmal
- B. Termometer klinik
- C. Termometer inframerah
- D. Termometer rekta

4. Antara pernyataan berikut, yang manakah **BETUL** mengenai termometer yang ditunjukkan?



- A. Digunakan untuk mengukur suhu cecair.
B. Digunakan untuk mengukur suhu badan tanpa bersentuhan dengan badan
C. Mengukur suhu dalam julat -10°C hingga 110°C
D. Digunakan pada bayi yang kurang daripada 3 bulan
5. Julat suhu badan normal manusia yang sihat adalah antara
A. 36.5°C hingga 37.2°C
B. 35.5°C hingga 36.5°C
C. 27.0°C hingga 30.0°C
D. 38°C hingga 40°C
6. Berikut merupakan faktor yang boleh menyebabkan suhu badan melebihi normal **KECUALI**
A. Senaman berat
B. Jangkitan kepada bakteria dan virus
C. Kelaparan
D. Terdedah kepada cuaca panas
7. Apakah yang dimaksudkan dengan kadar denyutan nadi?
A. Pengukuran bilangan degupan jantung per minit
B. Pengukuran bilangan degupan jantung per saat
C. Pengukuran bilangan degupan jantung per jam
D. Pengukuran bilangan degupan hati per minit
8. Antara berikut yang manakah benar tentang kadar denyutan nadi?
A. Kadar denyutan nadi bayi lebih rendah daripada orang dewasa.
B. Perempuan mempunyai kadar denyutan nadi lebih tinggi daripada lelaki
C. Terdapat hanya dua titik pengesanan nadi di badan manusia
D. Faktor-faktor yang mempengaruhi kadar denyutan nadi ialah jantina, umur dan aktiviti fizikal
9. Tekanan darah normal ialah
A. 100/40
B. 120/80
C. 90/80
D. 150/100

10. Namakan alat pengukuran dalam gambarajah di bawah



- A. Sfigmomanometer
 - B. Termometer digital
 - C. Micrometer digital
 - D. Sfigmomanometer digital
11. Tekanan darah tinggi yang tidak dikawal boleh menyebabkan
- A. Strok
 - B. Demam panas
 - C. jangkitan penyakit kronik seperti kanser
 - D. Diabetes mellitus
12. Dalam bacaan tekanan darah, nombor atas menunjukkan tekanan yang dikenakan pada dinding salur darah semasa otot jantung mengecut. Apakah nombor ini?
- A. Diastolik
 - B. Sistolik
 - C. Sistertolik
 - D. Duastolik
13. Unit tekanan darah ialah
- A. Mikrometer merkuri
 - B. Nanometer merkuri
 - C. Kilometer merkuri
 - D. Millimeter merkuri
14. Antara berikut, individu yang manakah mempunyai kadar denyutan nadi yang paling rendah?

a)



b)



c)



d)







15. Mengapakah suhu badan manusia meningkat melebihi 37°C semasa demam?
- A. Suhu optimum bagi badan manusia
 - B. Mencegah pertumbuhan patogen
 - C. Mengurangkan risiko kecederaan
 - D. Meningkatkan kadar peredaran darah
16. Pada bahagian badan manakah denyutan nadi biasanya diukur?
- A. Pergelangan tangan
 - B. Tapak tangan
 - C. Betis
 - D. Tengkulok
17. Bahagian manakah yang akan menerima denyutan selepas jantung berdegup?
- A. Saraf
 - B. Arteri
 - C. Aorta
 - D. Urat
18. Indeks Jisim Badan (BMI) digunakan untuk
- A. menentukan individu mempunyai jisim badan berlebihan, normal atau kurang jisim badan.
 - B. mengenalpasti penyakit obesiti.
 - C. memastikan individu mengikut amalan jisim badan unggul.
 - D. menentukan tahap kesihatan individu
19. BMI Ariana ialah 18 kg/m² , apakah status BMI tersebut?
- A. Kurang berat
 - B. Berat berlebihan
 - C. Obes
 - D. Normal
20. Kurang jisim badan boleh menyebabkan penyakit di bawah KECUALI
- A. Penyakit jantung
 - B. Anemia
 - C. Kemurungan
 - D. Diabetes melitus
21. Apakah penyakit yang mungkin dihadapi jika seseorang mempunyai BMI melebihi 30
- A. Tekanan darah rendah
 - B. Tekanan darah tinggi
 - C. Anemia
 - D. Kanser

Bahagian B

1. Namakan jenis termometer di bawah berdasarkan fungsi

Fungsi	Jenis termometer
a) Digunakan untuk mengambil bacaan suhu pada bayi berumur sebulan	
b) Digunakan untuk mengambil bacaan suhu cecair	
c) Digunakan untuk mengambil bacaan suhu badan di bawah ketiak	
d) Digunakan untuk mengambil bacaan suhu badan tanpa bersentuhan	


2. Apakah nama thermometer di bawah?

a) 	
b) 	
c) 	
d) 	

e) Termometer yang sesuai digunakan untuk bayi berusia 6 bulan ialah

3. Rajah di bawah menunjukkan paparan bacaan digital sebuah alat pengukur.

a) Nyatakan jenis X dan Y bacaan pada rajah tersebut.



b) Jika bacaan X dalam alat pengukur tersebut ialah 145 dan bacaan di Y ialah 94, apakah kategori bacaan tersebut?

c) Makanan yang tidak boleh dimakan dalam kuantiti yang banyak oleh pesakit tersebut ialah _____